Saiful Adly bin Zakaria lwn Pendakwa Raya dan lain-lain rayuan

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO B-05(M)-365–08 TAHUN 2019, B-05(M)-368–08 TAHUN 2019 DAN B-05(M)-384–09 TAHUN 2019

HANIPAH FARIKULLAH, AHMAD NASFY DAN CHE MOHD RUZIMA HHMR

26 OKTOBER 2022

Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Sabitan atas kesalahan mengedar dadah berbahaya — Niat bersama — Perayu-perayu dijatuhkan hukuman mati — Dadah dijumpai dalam kereta yang dinaiki perayu-perayu — Sama ada terdapat keterangan yang menafikan milikan perayu-perayu terhadap dadah yang dijumpai — Sama ada pembelaan perayu-perayu dipertimbangkan oleh hakim bicara — Sama ada pembelaan perayu-perayu berjaya mematahkan anggapan pemilikan di bawah s 37(d) ADB 1952 — Sama ada anggapan bertentangan di bawah s 114(g) Akta Keterangan 1950 terpakai — Sama ada sabitan selamat — Akta Dadah Berbahaya 1952 s 39B(1)(a)

Undang-Undang Jenayah — Dadah berbahaya — Pengedaran — Niat bersama — Kanun Keseksaan — Elemen-elemen niat bersama — Akta Dadah Berbahaya 1952 s 39B(1)(a)

Ini adalah rayuan perayu dalam terhadap keputusan Mahkamah Tinggi yang telah mensabitkan ketiga-tiga perayu atas pertuduhan pengedaran dadah di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya ('Akta tersebut') dibaca bersama dengan s 34 Kanun Keseksaan ('KK') kerana mengedar 587.9g metamphetamine. Intipati kes pendakwaan adalah bahawa SP2 selaku pegawai serbuan bersama SP4 beserta anggota pasukan serbuan telah pergi ke satu perkarangan tempat letak kereta ('tempat kejadian'). SP2 telah melihat sebuah kereta ('kereta tersebut') memasuki tempat kejadian dan telah berhenti. SP2 dan anggota pasukan serbuan telah menyerbu dan mengepung kereta tersebut. Atas arahan SP2, ketiga-tiga perayu yang berada dalam kereta tersebut telah keluar dari kereta dan seterusnya ditahan oleh SP2. Perayu ketiga ialah pemandu kereta tersebut. perayu pertama dan kedua merupakan penumpang kereta tersebut. Menurut SP2, ketiga-tiga perayu berada dalam keadaan terkejut semasa ditahan oleh pihak polis. Pemeriksaan lanjut oleh SP2 di dalam kereta menjumpai satu kotak berwarna kuning bertulis 'Rechaud A Gaz' ('P12') berada di atas tempat duduk penumpang bahagian belakang. SP2 telah memeriksa kotak dan menjumpai satu bungkusan plastik lutsinar di dalam

kotak tersebut yang mengandungi dadah berbahaya. Ahli kimia telah mengesahkan bahawa dadah berbahaya tersebut adalah jenis methamphetamine seberat 587.9g. Berikutan itu, perayu-perayu dituduh di bawah s 39B(1)(a) Akta tersebut dibaca bersama s 34 KK kerana mengedar 587.9g methamphetamine. Di akhir kes pembelaan, pesuruhjaya kehakiman ('PK') memutuskan bahawa: (a) perayu-perayu telah gagal mengakas anggapan pemilikan dan anggapan pengetahuan dadah berbahaya di bawah s 37(d) Akta tersebut; (b) pembelaan ketiga-tiga perayu adalah rekaan dan penafian semata-mata; dan (c) pembelaan ketiga-tiga perayu telah gagal menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan mengenai pengedaran dadah berbahaya di bawah Akta tersebut. Dengan itu, PK mendapati bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan kes terhadap ketiga-tiga perayu melampaui keraguan yang munasabah dan mensabitkan perayu-perayu atas pertuduhan yang dikemukakan dan mengenakan hukuman mati terhadap perayu-perayu. Terkilan, perayu-perayu telah merayu atas alasan salah arah yang serius oleh PK apabila gagal meneliti pembelaan perayu-perayu sedalam-dalamnya iaitu: (i) pembelaan ketiga-tiga perayu telah berjaya mematahkan anggapan pemilikan di bawah s 37(d) Akta tersebut di atas imbangan keberangkalian dan sabitan adalah tidak selamat; (ii) ketiga-tiga perayu tidak mempunyai sebarang pengetahuan tentang dadah tersebut kerana penama 'Boy' seorang lelaki India telah masuk ke dalam kereta yang dinaiki mereka dan telah meletakkan dadah ke dalam kereta tersebut; dan (iii) kewujudan kereta Toyota Vios dan kewujudan lelaki India semasa tangkapan telah disokong oleh keterangan saksi-saksi pendakwaan yakni SP2, SP4 dan SP7 dan terdapat lompang dalam kes pendakwaan kerana anggota polis dengan nama panggilan 'Carlos' tidak dipanggil untuk memberi keterangan.

Diputuskan, membenarkan rayuan perayu pertama dan perayu kedua; menolak rayuan perayu ketiga:

(1) Pihak pendakwaan telah bergantung kepada anggapan di bawah s 37(d) Akta tersebut bagi membuktikan pemilikan dadah berbahaya jenis methamphetamine seberat 587.9g oleh perayu-perayu. Sebelum anggapan pemilikan di bawah s 37(d) Akta tersebut boleh diaktifkan ke atas ketiga-tiga perayu, pihak pendakwaan perlulah terlebih dahulu membuktikan bahawa ketiga-tiga perayu mempunyai niat bersama untuk mengedar dadah berbahaya di bawah s 34 KK sepertimana pertuduhan. PK telah gagal menganalisis keseluruhan fakta dan keterangan sama ada secara terus atau ikut keadaan sebelum membuat kesimpulan yang tidak dapat ditolak (*irresistible conclusion*) bahawa terdapat suatu perancangan awal atau mendadak (*spur of the moment*) sebelum ketiga-tiga perayu ditangkap atas pertuduhan pengedaran dadah tersebut. Oleh itu, PK telah terkhilaf dalam memutuskan bahawa elemen niat bersama di bawah s 34 KK telah berjaya dibuktikan terhadap

ketiga-tiga perayu sepertimana pertuduhan (lihat perenggan 44–45 & 47).

(2) Pihak pendakwaan langsung tidak mempertikaikan tujuan perayu pertama dan kedua bersama perayu ketiga di dalam kereta tersebut ketika ditangkap iaitu mereka diajak oleh perayu ketiga membeli spare part kereta dan tidak tahu tentang kotak (P12) tersebut. Sehubungan itu, semata-mata berada di dalam kereta tersebut dan berdekatan dengan barang kes dan terkejut apabila diserbu polis tidak mencukupi untuk memuaskan elemen niat bersama di bawah s 34 KK. Oleh itu, elemen niat bersama telah gagal dibuktikan (lihat perenggan 50–51).

(3) Dalam pembelaan perayu ketiga, dia mengatakan dia tiada pengetahuan mengenai dadah yang dijumpai di dalam kotak (P12). Dia meletakkan kesalahan kepada seorang lelaki India yang dikenalinya dengan panggilan 'Boy' yang membawa kotak (P12) tersebut ke dalam kereta Proton Perdana yang dipandu oleh perayu ketiga. Walau bagaimanapun, tiada apa-apa dokumen atau bukti yang dikemukakan oleh pihak pembelaan untuk menunjukkan kewujudan 'Boy'. Kehadiran 'Boy' telah dinafikan oleh SP2 dan SP4 yang bersama pasukan serbuan sedang membuat pemerhatian di tempat kejadian. Notis *Alcontara* tidak pernah dihujahkan oleh peguambela bijaksana perayu ketiga di peringkat kes pendakwaan, walaupun watak 'Boy' telah dibangkitkan ketika itu. Jika pun Notis *Alcontara* dihujahkan, ianya tetap tidak membentuk satu notis yang mencukupi kepada pihak pendakwaan kerana butiran lengkap tentang 'Boy' telah gagal diberikan untuk pihak polis menjalankan siasatan. Oleh itu, PK telah dengan betul membuat dapatan bahawa pembelaan perayu ketiga merupakan penafian semata-mata dan suatu pemikiran semula (lihat perenggan 52–55).

(4) Inferens bertentangan di bawah s 114(g) Akta Keterangan 1950 tidak terpakai kerana nama 'Carlos' walaupun dibangkitkan namun kewujudannya tidak pernah dibuktikan. Kes pihak pendakwaan adalah kukuh dan melimpah ruah terhadap penglibatan perayu ketiga dalam mengedar dadah berbahaya tersebut. Mengambil kira keseluruhan keterangan yang melimpah ruah dan mengaplikasi peruntukan s 182A Kanun Tatacara Jenayah, perayu ketiga telah gagal untuk mengakas anggapan di bawah s 37(d) Akta tersebut dan menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah mengenai pengedaran dadah berbahaya mengikut takrifan pengedaran di bawah s 2 Akta tersebut (lihat perenggan 56–57).

[English summary

This was the appeal by the appellant against the High Court's decision which convicted three appellants on drug trafficking offences under s 39B(1)(a) of the Dangerous Drugs Act ('the Act') read together with s 34 of the Penal Code ('the

PC') for trafficking 587.9g of methamphetamine. The crux of the prosecution case was that SP2 as a raiding officer with SP4 and the other raid officers went to a parking lot ('scene'). SP2 had seen a car ('the car') entered the crime scene and stopped. SP2 and the raid team officers raided and surrounded the car. On the instruction of SP2, the three appellants who were in the car went out of the car and were subsequently detained by SP2. The third appellant was the driver of the car. The first and second appellants were the passengers. According to SP2, the three appellants were shocked when detained by the police. Further inspection by SP2 in the car found a yellow box written 'Rechaud A Gaz' ('P12') on top of the rear passenger seat. SP2 checked the box and found a transparent plastic package in the box containing a dangerous drug. The chemist confirmed that the dangerous drug was methamphetamine weighed 587.9g. On this, the appellants were charged under s 39B(1)(a) of the Act read together with s 34 of the PC for trafficking 587.9g of methamphetamine. At the end of the defence case, the judicial commissioner ('JC') ruled that: (a) the appellants had failed to rebut the presumption of possession and presumption of knowledge of dangerous drugs under s 37(d) of the Act; (b) the defence of the three appellants was fabricated and bare denial; and (c) the three appellants had failed to raise any reasonable doubt on the prosecution's case on the trafficking of dangerous drugs under the Act. Thus, JC had found that the prosecution had proved the case against the three appellants beyond reasonable doubt and convicted the appellants on the charges and sentenced them to death. Aggrieved by the decision, the appellants appealed on the grounds of serious misdirection by JC when failing to examine the defence of the appellants in depth, namely: (i) the three appellants had successfully rebutted the presumption of posession under s 37(d) of the Act on the balance of probabilities and thus the conviction was unsafe; (ii) the three appellants did not have any knowledge of the drugs due to the one 'Boy', an Indian man went into their car and had placed the drug inside the car; and (iii) the existence of the Toyota Vios car and the existence of the Indian man during the arrest were supported by the testimony of the prosecution witnesses namely SP2, SP4 and SP7 and there were gaps in the prosecution case because the policeman with the nickname 'Carlos' was not called to testify.

Held, allowing the first and second appellant's appeal; dismissing the thirds appellant's appeal:

(1) The prosecution had relied on the presumption under s 37(d) of the Act to prove possession of a dangerous drug of methamphetamine weighed 587.9g by the appellants. Before the presumption of possession under s 37(d) of the Act could be invoked on all three appellants, the prosecution must first prove that the three appellants had common intention to traffick dangerous drugs under s 34 of the Criminal Procedure Code as per charges. The JC had failed to evaluate the entire fact and evidence either directly or in the circumstances before holding

that there was an irresistible conclusion that there was a pre-planned or a spur of the moment before the three appellants were arrested on the drug trafficking charges. Therefore, JC had erred in deciding that the elements of common intention under s 34 PC had been successfully proved against all three appellants as per the charge (see paras 44–45 & 47).

(2) The prosecution did not dispute the purpose of the first and second appellants with the third appellant in the car when they were arrested, ie they were invited by the third appellant to buy a spare part of the car and did not know about the box (P12). Accordingly, simply being in the car and close to the exhibit and were surprised when raided by the police was not enough to prove the element of common intention under s 34 of the PC. Thus, the element of common intention was not proved (see paras 50–51).

(3) In the third appellant's defence, he said he had no knowledge of the drugs found in the box (P12). He averred that an Indian man he knew by 'Boy' was the one whom carried the box (P12) into a Proton Perdana car driven by a third appellant. However, there were no documentary evidence or any other evidence tendered by the defence to prove the existence of 'Boy'. The existence of 'Boy' was denied by SP2 and SP4 who were with the raiding team at the crime scene. *Alcontara*'s notice was never disputed by the third appellant's counsel during the prosecution stage, although the character of 'Boy' was raised at the time. Even if the *Alcontara* notice was argued, it still did not constitute sufficient notice to the prosecution as full details of the 'Boy' were not provided to the police to carry out the investigation. Therefore, PC had correctly made the finding that the defence of the third appellant was a bare denial and an afterthought (see paras 52–55).

(4) The adverse inference under s 114(g) of the Evidence Act 1950 did not apply on 'Carlos' even though it was raised but its existence had never been proven. The prosecution's case was strong and overwhelming on the involvement of the third appellant in the trafficking of the dangerous drugs. Taking into account the totality of evidence that and the provision of s 182A of the Criminal Procedure Code, the third appellant had failed to rebut the presumption under s 37(d) of the Act and raise any reasonable doubt on the trafficking of dangerous drugs according to the definition of trafficking under s 2 of the Act (see paras 56–57).]

Kes-kes yang dirujuk

Farose bin Tamure Mohamad Khan v PP and other appeals [2016] 6 MLJ 277; [2016] 9 CLJ 769, MP (dirujuk)

Krishna Rao a/l Gurumurthi v PP and another appeal [2009] 3 MLJ 643; [2009] 2 CLJ 603, MP (dirujuk)

Munusamy v PP [1987] 1 MLJ 492, MA (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 2, 37(d), 39B(1)(a), (2), Jadual Pertama
Akta Keterangan 1950 s 114(g)
Kanun Keseksaan s 34
Kanun Tatacara Jenayah ss 182A, 399

Rayuan daripada: *Pendakwa Raya lwn Mohd Bukhti Shukran bin Abdul Rahman dan lain-lain* [2019] MLJU 1747 (Mahkamah Tinggi, Shah Alam)

Fahmi Abd Moin (Muhammad Rafique bin Rashid Ali dan Nur Mustanir bin Md Nor bersamanya) (Fahmi Abd Moin) bagi pihak perayu.
How May Ling (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

Ahmad Nasfy HMR (menyampaikan penghakiman mahkamah):

PENGENALAN

[1] Perayu, Mohd Bukhti Shukran bin Abdul Rahman, di dalam Rayuan No B-05(M)-384–09 of 2019 ('perayu ketiga'), perayu, Saiful Adly bin Zakaria, di dalam Rayuan No B-05(M)-365–08 of 2019 ('perayu pertama') dan perayu, Azrul bin Alias di dalam Rayuan No B-05(M)-368–08 of 2019 ('perayu kedua') masing-masing merupakan tertuduh pertama, tertuduh kedua dan tertuduh ketiga di Mahkamah Tinggi Malaya di Shah Alam. Mereka dituduh di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('Akta tersebut') dibaca bersama s 34 Kanun Keseksaan ('KK') kerana mengedar 587.9g methamphetamine.

PERTUDUHAN

[2] Perayu-perayu telah dituduh dan dibicarakan di atas pertuduhan berikut:

> Bahawa kamu bersama-sama pada 7.8.2017 jam lebih kurang 6.20 petang di kawasan tempat letak kereta AEON BIG Bukit Rimau, Seksyen 32, Shah Alam dalam Daerah Petaling, di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan, telah mengedar dadah disyaki jenis Methamphetamine seberat 587.9 gram dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum di bawah seksyen 39B(2) Akta yang sama dan dibacakan bersama seksyen 34 Kanun Keseksaan.

[3] Di akhir perbicaraan, YA pesuruhjaya kehakiman ('YA PK') memutuskan bahawa ketiga-tiga perayu didapati bersalah dan disabitkan bagi pertuduhan tersebut dan masing-masing telah dijatuhkan hukuman gantung sampai mati.

[4] Terkilan dengan keputusan tersebut, ketiga-tiga perayu telah merayu di mahkamah ini.

[5] Seterusnya, setelah kami mendengar hujahan lisan peguambela bijaksana dan timbalan pendakwa raya bijaksana serta meneliti rekod-rekod rayuan termasuk hujahan bertulis pihak-pihak, kami sebulat suara membuat keputusan berikut.

KES PENDAKWAAN

[6] Inti pati kes pendakwaan ialah bahawa pada 7 Ogos 2017 jam lebih kurang 6.20 petang bertindak di atas maklumat, Insp Mohd Alime Mazlan bin Abdul Rahman (SP2) selaku pegawai serbuan bersama Sjn Kamarudin bin Kamil (SP4) beserta anggota pasukan serbuan, telah pergi ke perkarangan tempat letak kereta AEON BIG Bukit Rimau, Seksyen 32, Shah Alam, Selangor. Seterusnya SP2, SP4 dan anggota-anggota pasukan serbuan telah dibahagikan kepada limau pasukan serbuan tersebut.

[7] Setibanya di tempat kejadian, pemerhatian telah dilakukan oleh SP2 dan pasukan serbuan selama lebih kurang 20 minit dan SP2 telah melihat sebuah kereta Proton Perdana dengan nombor pendaftaran AFE 5599 (P5) memasuki kawasan perkarangan tempat letak kereta di tempat kejadian dan telah berhenti di salah satu tempat letak kereta di kawasan tersebut.

[8] Selepas memerhatikan kereta tersebut selama lebih kurang dua minit, SP2 telah mengarahkan anggota pasukan serbuan menyerbu kereta tersebut dan mengarahkan pasukan yang menaiki kereta Hilux menghalang bahagian belakang kereta tersebut. Manakala SP2 dan anggota lain pasukan serbuan berjalan kaki ke arah kereta dan mengepung kereta tersebut.

[9] SP2 telah menghampiri kereta tersebut dan mendapati enjin kereta masih dihidupkan dan tingkap kereta tersebut ditutup. SP2 telah meminta pemandu kereta tersebut menurunkan tingkap kereta dan SP2 telah memperkenalkan diri sebagai polis. Selepas itu, SP2 telah meminta pemandu kereta dan dua orang penumpang dalam kereta tersebut untuk keluar dari kereta tersebut.

[10] Atas arahan SP2, ketiga-tiga perayu yang berada dalam kereta Proton Perdana tersebut telah keluar dari kereta dan seterusnya ditahan oleh SP2. Perayu ketiga ialah pemandu kereta tersebut, perayu pertama merupakan penumpang bahagian hadapan kereta dan perayu kedua ialah penumpang yang duduk di bahagian belakang kereta tersebut. Menurut SP2, ketiga-tiga perayu berada dalam keadaan terkejut semasa ditahan oleh pihak polis.

[11] Anggota pasukan serbuan telah menjalankan pemeriksaan badan ke atas ketiga-tiga perayu tetapi tidak menjumpai apa-apa barang salah. Pemeriksaan lanjut oleh SP2 di dalam kereta menjumpai satu kotak berwarna kuning bertulis 'Rechaud A Gaz' (P12) berada di atas tempat duduk penumpang bahagian belakang sebelah kanan kereta tersebut (di belakang pemandu kereta).

[12] SP2 telah memeriksa kotak dan mendapati kotak tersebut berada dalam keadaan terbuka dan SP2 dapat melihat kandungan dalam kotak tersebut dan menjumpai satu bungkusan plastik lutsinar di dalam kotak tersebut yang mengandungi dadah berbahaya disyaki jenis syabu.

[13] SP2 telah merampas kesemua barang kes dan membawa ketiga-tiga perayu ke lbu Pejabat Polis Daerah (IPD) Shah Alam dan kemudiannya kesemua barang kes dan ketiga-tiga perayu diserahkan kepada Pegawai Penyiasat, Insp Khamizal bin Abdul Ghafar (SP7).

[14] SP2 telah membuat laporan polis di Balai Polis Shah alam pada 7 Ogos 2017 dengan nombor report Sri Muda Report 18104/17 (P15). Semasa perbicaraan kes, SP2 dan SP4 telah dapat mengecam ketiga-tiga perayu dan barang-barang kes yang dirampas daripada ketiga-tiga perayu semasa kejadian.

[15] Serbuk kristal jernih (P20(a)) yang dijumpai oleh SP2 dalam bungkusan plastik lutsinar tersebut telah dianalisis oleh Wan Rahimah bt Wan Ahmad (SP3), ahli kimia kerajaan dan hasil analisis telah mengesahkan bahawa dadah berbahaya tersebut adalah jenis methamphetamine seberat 587.9g.

[16] SP3 telah menyediakan laporan kimia (P21) di bawah s 399 Kanun Tatacara Jenayah yang mengesahkan hasil analisis yang dijalankan ke atas serbuk kristal jernih tersebut adalah dadah berbahaya jenis methamphetamine. Methamphetamine adalah dadah berbahaya yang disenaraikan dalam Jadual Pertama ADB 1952.

DAPATAN HAKIM BICARA DI AKHIR KES PENDAKWAAN

[17] Di akhir kes pendakwaan, YA PK setelah membuat suatu penilaian yang maksima ke atas keterangan saksi-saksi pihak pendakwaan telah membuat dapatan seperti berikut:

(a) bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan bahawa ketiga-tiga perayu mempunyai kawalan dan jagaan ke atas kotak warna kuning bertulisan 'Rechaud A Ghaz' tersebut (P12) dalam kereta Proton Perdana tersebut dan dengan itu dianggap mempunyai milikan (*presumed possession knowledge*) mengenai jenis dadah berbahaya

tersebut yang disembunyikan dalam kotak tersebut (P12) berdasarkan anggapan di bawah s 37(d) ADB 1952 sehingga dibuktikan sebaliknya;

(b) SP2 menjumpai kotak (P12) di dalam kereta yang dinaiki oleh ketiga-tiga perayu. Kereta tersebut telah dipinjam kepada perayu ketiga oleh Ahmad Shahrul Nizam bin Long (SP6), pemilik kereta, beberapa hari sebelum tarikh kejadian. Semasa serbuan, ketiga-tiga perayu berada dalam kereta dan mereka mempunyai jagaan, kawalan milikan dan pengetahuan mengenai kewujudan kotak P12 yang berada di atas tempat duduk penumpang bahagian belakang kereta tersebut. Kotak itu berada di tempat terbuka dan tidak disembunyikan dan ketiga-tiga perayu berada berdekatan dengan kotak tersebut yang berada dalam keadaan terbuka dan SP2 menyatakan beliau boleh melihat kandungannya;

(c) oleh itu, ketiga-tiga perayu telah dibuktikan secara niat bersama mempunyai jagaan atau kawalan ke atas kotak tersebut dan anggapan pemilikan dan pengetahuan mengenai dadah telah berjaya dibuktikan di akhir kes pendakwaan; dan

(d) pihak pendakwaan seterusnya telah membuktikan elemen pengedaran dadah berbahaya menurut s 2 ADB 1952 iaitu ketiga-tiga perayu secara niat bersama telah membawa (*carrying*) dadah berbahaya tersebut yang dijumpai dalam kotak (P12) dalam kereta tersebut. Perbuatan itu membuktikan ketiga-tiga perayu telah memperedarkan dadah tersebut.

[18] YA PK mendapati bahawa terdapat keterangan kredibel yang mencukupi untuk membuktikan ketiga-tiga perayu dalam mencapai niat bersama telah mengedar dadah sepertimana dalam pertuduhan dan bahawa satu prima facie telah dibuktikan. Ketiga-tiga perayu telah dipanggil untuk membela diri.

[19] Ketiga-tiga perayu memilih untuk memberi keterangan secara bersumpah.

PEMBELAAN PERAYU-PERAYU

Pembelaan perayu ketiga

[20] Pada hari kejadian 7 Ogos 2017, perayu ketiga telah pergi ke rumah perayu pertama di Teluk Panglima Garang, Selangor kerana perayu pertama (seorang mekanik) sedang membaiki serta mengubahsuai kereta Nissan Bluebird kepunyaan perayu ketiga.

[21] Perayu ketiga telah pergi ke rumah perayu pertama dengan memandu kereta Proton Perdana berwarna Perak No Pendaftaran AFE 5599 yang

dipinjam daripada seorang rakannya (SP6) yang tinggal di Pulau Langkawi. Semasa perayu ketiga tiba di rumah perayu pertama, perayu kedua juga berada di rumah perayu pertama. Perayu kedua (juga seorang mekanik) adalah pembantu kepada perayu pertama dan bekerja dengan perayu pertama.

[22] Perayu ketiga menyatakan tujuan ke rumah perayu pertama adalah untuk mengambil perayu pertama dan perayu kedua dan membawa mereka ke kedai alat ganti kereta di sekitar Petaling Jaya, Selangor. Seterusnya, mereka bertiga telah pergi ke Kedai Kakimotor di Bandar Sunway, Petaling Jaya, Selangor untuk membeli alat ganti kereta yang diperlukan dengan menaiki kereta Proton Perdana tersebut.

[23] Dalam perjalanan ke Kedai Kakimotor tersebut, perayu ketiga memandu kereta Proton Perdana tersebut dan perayu pertama duduk di bahagian penumpang hadapan dan perayu kedua pula duduk di bahagian penumpang belakang di sebelah kiri (di belakang perayu pertama).

[24] Semasa mereka berada di dalam Kedai Kakimotor tersebut, perayu ketiga telah menerima satu panggilan telefon daripada seorang lelaki berbangsa India yang dikenali dengan nama 'Boy'. 'Boy' memberitahu perayu ketiga yang beliau ingin menjual alat ganti kereta bahagian 'turbo' kepada perayu ketiga pada harga yang murah dan akan menelefon semula perayu ketiga mengenai lokasi perjumpaan mereka di Shah Alam, Selangor.

[25] Pada jam lebih kurang 5.30 petang, perayu ketiga telah menerima panggilan telefon daripada 'Boy' yang meminta perayu ketiga berjumpa dengannya di kawasan letak kereta AEON BIG Bukit Rimau, Shah Alam (tempat kejadian) pada jam sekitar 6 petang. Atas permintaan 'Boy' perayu ketiga dengan memandu kereta Proton Perdana tersebut,

bersama dengan perayu pertama dan perayu kedua telah pergi ke tempat kejadian untuk berjumpa dengan 'Boy'. Tujuan ke sana adalah untuk berjumpa 'Boy' dan membeli alat ganti kereta yang dijual oleh 'Boy'.

[26] Apabila sampai di tempat kejadian, perayu ketiga telah menerima panggilan telefon daripada 'Boy' meminta perayu ketiga memberhentikan dan meletakkan kereta Proton Perdana di sebelah kereta Vios berwarna perak kepunyaan 'Boy'. Semasa kereta Proton Perdana berada di sebelah kereta Vios tersebut, 'Boy' telah masuk ke dalam kereta Proton Perdana melalui pintu penumpang bahagian belakang dan meletakkan satu kotak di dalam kereta Proton Perdana tersebut.

[27] Secara tiba-tiba, sekumpulan lelaki menyerbu ke arah kereta Proton Perdana. 'Boy' dengan segera membuka pintu kereta Proton Perdana dan keluar. Kotak yang dibawa oleh 'Boy' telah ditinggalkan oleh 'Boy' di dalam kereta Proton Perdana tersebut.

[28] Perayu ketiga mengatakan, dia tidak pernah melihat kotak tersebut dan tiada pengetahuan langsung mengenainya dan kandungan.

[29] Semasa di balai polis, perayu ketiga telah memberitahu SP7 berkenaan penglibatan seorang anggota polis yang menggunakan nama panggilan 'Carlos' tetapi tiada siasatan dilakukan oleh pegawai penyiasat (SP7).

Pembelaan perayu pertama

[30] Perayu pertama adalah seorang mekanik kereta. Lebih kurang seminggu sebelum kejadian perayu ketiga yang dikenali sebagai 'Bulat' telah menghantar kereta Nissan Bluebird kepunyaannya ke rumah perayu pertama di Teluk Panglima Garang, Selangor untuk dibaiki. Perayu pertama mengenali perayu ketiga lebih kurang enam bulan sebelum kejadian dan perayu ketiga pernah menghantar keretanya beberapa kali untuk dibaiki oleh perayu pertama.

[31] Pada pagi 7 Ogos 2017, perayu pertama telah menghubungi perayu ketiga dan memberitahu perayu ketiga bahawa 'fuel regulator' kereta Nissan Bluebird kepunyaannya telah rosak dan perlu diganti. Selepas itu, perayu ketiga telah datang ke rumah perayu pertama di Teluk Panglima Garang dengan menaiki kereta Proton Perdana. Perayu ketiga kemudiannya membawa perayu pertama dan Kedua ke Kedai Kakimotor di Bandar Sunway di Petaling Jaya untuk membeli alat ganti yang diperlukan tersebut.

[32] Perayu pertama baru mengenali perayu kedua melalui perayu ketiga lebih kurang seminggu sebelum kejadian. Perayu kedua telah datang ke rumah perayu pertama untuk membaiki kereta Nissan Bluebird kepunyaan perayu ketiga.

[33] Semasa berada di Kedai Kakimotor, perayu pertama nampak perayu ketiga menerima satu panggilan telefon. Selepas bercakap dengan pemanggil, perayu ketiga memberitahu perayu pertama dan perayu kedua bahawa dia perlu berjumpa dengan seorang kawannya berbangsa India di AEON BIG, Shah Alam (tempat kejadian) kerana hendak membeli alat ganti kereta daripada lelaki India tersebut.

[34] Selepas membeli 'fuel regulator' di Kedai Kakimotor, perayu ketiga bersama perayu pertama dan Kedua telah pergi ke tempat kejadian dan sampai di sana jam lebih kurang 6 petang. Perayu ketiga memberhentikan kereta

Proton Perdana di sebelah kereta jenis Vios berwarna perak. Selepas beberapa minit berhenti di situ, seorang lelaki India telah masuk ke dalam kereta Proton Perdana dan duduk di tempat duduk penumpang belakang. Perayu pertama kata dia nampak lelaki India tersebut membawa satu kotak ke dalam kereta Proton Perdana tersebut.

[35] Sebaik lelaki India itu masuk ke dalam Proton Perdana, sekumpulan lelaki yang bersenjatakan pistol dan berpakaian preman telah menyerbu kereta Proton Perdana tersebut dan meminta ketiga-tiga perayu keluar dari kereta tersebut.

[36] Perayu pertama mengatakan dia tidak mengenali lelaki India tersebut dan tidak pernah melihatnya. Perayu pertama juga tidak mempunyai pengetahuan mengenai dadah berbahaya di dalam kotak tersebut. Hal ini dinyatakan dalam percakapan amaran perayu pertama yang dikemukakan sebagai eksh D32.

Pembelaan perayu kedua

[37] Perayu kedua bekerja memasang khemah bagi apa-apa majlis dan dibayar gaji sekitar RM60-RM80 sehari. Pada sekitar jam 11.30 pagi 7 Ogos 2017, perayu kedua telah pergi ke rumah perayu pertama untuk melihat kereta perayu ketiga yang sedang dibaiki oleh perayu pertama. Selepas itu, perayu pertama mengajak perayu ketiga dan perayu kedua ke Kedai Kakimotor di Petaling Jaya untuk membeli alat ganti kereta.

[38] Dalam perjalanan ke Kedai Kakimotor, perayu ketiga memandu kereta Proton Perdana. Perayu kedua duduk di tempat duduk belakang. Manakala perayu pertama duduk di tempat duduk penumpang hadapan. Semasa di Kedai Kakimotor, perayu kedua nampak perayu ketiga menerima satu panggilan telefon. Kemudian perayu ketiga memberitahu perayu pertama dan perayu kedua bahawa dia hendak pergi ke AEON BIG Shah Alam untuk berjumpa dengan seseorang yang tidak dikenali oleh perayu pertama dan perayu kedua.

[39] Apabila sampai di kawasan letak kereta di tempat kejadian, seorang lelaki India telah masuk ke dalam kereta yang dipandu oleh perayu ketiga dan duduk di bahagian tempat duduk penumpang belakang. Perayu kedua nampak lelaki India itu meletakkan satu kotak di atas tempat duduk belakang tersebut. Pada masa yang sama, pihak polis telah menyerbu kereta tersebut dan lelaki India tersebut telah berjalan keluar meninggalkan kereta Proton Perdana tersebut.

KEPUTUSAN HAKIM BICARA DI AKHIR KES PEMBELAAN

[40] Di akhir kes pembelaan, YA PK memutuskan bahawa perayu-perayu telah di atas imbangan keberangkalian gagal mengakas anggapan pemilikan dan anggapan pengetahuan dadah berbahaya di bawah s 37(d) ADB 1952. Pembelaan ketiga-tiga Perayu adalah rekaan dan penafian semata-mata. Seterusnya, pembelaan ketiga-tiga Perayu secara keseluruhannya telah gagal menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan mengenai pengedaran dadah berbahaya di bawah s 2 ADB 1952 dan dengan itu, pihak pendakwaan telah membuktikan kesnya terhadap ketiga-tiga perayu melampaui keraguan yang munasabah. Sehubungan dengan itu, perayu-perayu telah disabitkan bagi pertuduhan yang dikemukakan terhadap perayu-perayu dan dikenakan hukuman mati.

ISU-ISU YANG DIBANGKITKAN DALAM RAYUAN PERAYU-PERAYU TERHADAP SABITAN DAN HUKUMAN

[41] Dalam penghujahan lisan peguam perayu, kami mendapati isu-isu utama yang dibangkitkan adalah berkaitan salah arah yang serius oleh YA PK apabila gagal meneliti pembelaan perayu-perayu sedalam-dalamnya iaitu:

(a) pembelaan ketiga-tiga perayu telah berjaya mematahkan anggapan pemilikan di bawah s 37(d) ADB 1952 di atas imbangan keberangkalian. Natijahnya, suatu sabitan adalah tidak selamat dan perayu-perayu harus dibebaskan;

(b) ketiga-tiga perayu tidak mempunyai sebarang pengetahuan tentang dadah tersebut kerana penama 'Boy' seorang lelaki India telah masuk ke dalam kereta Proton Perdana yang dinaiki mereka dan telah meletakkan dadah ke dalam kereta tersebut; dan

(c) kewujudan kereta Toyota Vios dan kewujudan lelaki India semasa tangkapan telah disokong oleh keterangan saksi-saksi pendakwaan yakni SP2, SP4 dan SP7.

ANALISA DAN KEPUTUSAN MAHKAMAH INI

[42] Sepertimana dinyatakan terdahulu perayu ketiga, perayu pertama dan perayu kedua telah dituduh dengan satu kesalahan mengedar dadah berbahaya dibaca bersama s 34 KK.

[43] Bagi membuktikan pertuduhan ini, elemen pemilikan dan pengedaran dadah perlu dibuktikan oleh pihak pendakwaan melalui keterangan saksi-saksi atau keterangan dokumentar atau dengan bantuan peruntukan anggapan di bawah s 37(d) ADB 1952. Seksyen 37(d) memperuntukkan seperti berikut:

(d) any person who is found to have had in his *custody* or under his control anything

whatsoever containing any dangerous drug shall until the contrary is proved, be deemed to have been in possession of such drug and shall until the contrary is proved, *be deemed to have known the nature of such drug*. (Penekanan ditambah.)

[44] Dalam kes ini, pihak pendakwaan telah bergantung kepada anggapan di bawah s 37(d) ADB 1952 bagi membuktikan pemilikan dadah berbahaya jenis methamphetamine seberat 587.9g oleh perayu-perayu.

[45] Pada pandangan kami, sebelum anggapan pemilikan di bawah s 37(d) ADB 1952 boleh diaktifkan ke atas ketiga-tiga perayu pihak pendakwaan perlulah terlebih dahulu membuktikan bahawa ketiga-tiga perayu mempunyai niat bersama untuk memperedarkan dadah berbahaya di bawah s 34 KK sepertimana pertuduhan. Mahkamah Persekutuan dalam kes *Farose bin Tamure Mohamad Khan v Public Prosecutor and other appeals* [2016] 6 MLJ 277; [2016] 9 CLJ 769 telah menjelaskan seperti berikut:

[65] With respect, we are also not persuaded by the two Singapore Court of Appeal authorities cited and argued before us. Despite the lengthy explanation on the issue of common intention in particular in Daniel Vijay, *we still hold the view which had been widely accepted by our courts that in a criminal prosecution where s 34 of the Penal Code is invoked, it is not incumbent on the prosecution to prove that there existed between the participants a common intention to commit the crime actually committed. As long as there is a common intention to commit a criminal act, which resulted in the commission of a crime actually committed, s 34 can operate against all persons involved in the commission of the actual crime.*

[66] *The existence of a common intention is a question of fact in each case to be proved mainly as a matter of inference from the circumstance of the case. Direct evidence as proof is difficult to procure because the common intention is essentially a state of mind invariably inferences have to rely upon arising from such acts or conduct of the accused, the manner in which the accused arrived at the scene, the nature of injury caused by one or some of them or such other relevant circumstances available.* The totality of the circumstance must be taken in consideration in arriving at a conclusion whether there is a common intention to commit of the offence for which the accused could be convicted. The facts and circumstances of each case might vary. *As such, each case should be decided based on the facts involved.* (Penekanan ditambah.)

[46] Berbalik kepada kes ini, YA PK telah memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan elemen niat bersama ketiga-tiga perayu dalam mengedar dadah berbahaya tersebut atas alasan-alasan di perenggan 28 ms 31 alasan penghakiman yang menyatakan seperti berikut:

[28] ... ketiga-tiga tertuduh berada dalam kereta Proton Perdana tersebut bersama dengan dadah berbahaya dalam kotak (P12) dalam kereta tersebut semasa kejadian dan keberadaan mereka bertiga bukan secara kebetulan. Ketiga-tiga tertuduh telah berada dalam kereta Proton Perdana tersebut sejak dari rumah tertuduh kedua di Teluk Panglima Garang, Selangor dan sama-sama pergi menaiki kereta Proton Perdana tersebut ke Kedai Kakimotor di Bandar Sunway, Petaling Jaya, Selangor.

Dari situ mereka bertiga telah pergi ke tempat kejadian dengan menaiki kereta yang sama. Semasa ditahan oleh pihak polis di tempat kejadian bersama-sama dadah berbahaya tersebut, hanya mereka bertiga sahaja yang berada dalam kereta Proton Perdana tersebut. Mereka juga kelihatan terkejut dan tergamam semasa ditahan oleh pihak polis semasa kejadian. Dadah berbahaya dalam kotak (P12) tersebut berada berdekatan dengan tertuduh-tertuduh dalam kereta Proton Perdana tersebut. Kereta Perdana tersebut yang dipinjam daripada pemiliknya oleh tertuduh pertama berada dalam jagaan atau kawalan tertuduh-tertuduh secara bersama semasa kejadian.

[47] Setelah meneliti rekod rayuan dan menimbangkan hujahan peguambela bijaksana, kami dapati bahawa YA PK telah terkhilaf dalam memutuskan bahawa elemen niat bersama di bawah s 34 KK telah berjaya dibuktikan terhadap ketiga-tiga perayu sepertimana pertuduhan. Kami berpendapat bahawa YA PK telah gagal menganalisis keseluruhan fakta dan keterangan sama ada secara terus atau ikut keadaan sebelum membuat kesimpulan yang tidak dapat ditolak (*irresistible conclusion*) bahawa terdapat suatu perancangan awal atau mendadak (*spur of the moment*) sebelum ketiga-tiga perayu ditangkap atas pertuduhan pengedaran dadah tersebut (rujuk kes *Krishna Rao a/l Gurumurthi v Public Prosecutor and another appeal* [2009] 3 MLJ 643; [2009] 2 CLJ 603).

[48] Hasil analisis keterangan saksi-saksi, kami mendapati bahawa YA PK telah gagal untuk mengambil kira keterangan Pegawai Penyiasat, Insp Khamizal bin Abdul Ghafar (SP7) berkaitan percakapan beramaran perayu pertama yang dikemukakan oleh pihak pembelaan melalui SP7 iaitu D32' di perenggan 32, ms 150 RR Jld 2(2), peguamcara bijaksana perayu pertama telah menyoal balas SP7 seperti berikut:

S: Setuju dengan saya, berdasarkan kepada percakapan ini di bahagian tujuan iaitu 'apa tujuan kamu berada di parking kereta AEON BIG?' Dan jawapan OKT 2 adalah beliau hanya ikut kawan sahaja dan beliau tidak tahu apa-apa, betul?

J: Setuju.

[49] Pemeriksaan balas oleh peguamcara bijaksana perayu kedua terhadap SP7 adalah di ms 151 RR Jld 2(2) di perenggan 3 dan 4 seperti berikut:

S: Insp Setuju OKT 3 ini mengatakan bahawa pada hari tersebut dia hanya ikut OKT 1 sebab dia ajak hendak pergi beli *spare part* kereta?

J: Setuju.

S: Setuju dengan cadangan saya bahawa OKT 3 ada cakap kepada kamu bahawa dia tidak tahu apa-apa tentang kotak dan isi kandungan.

J: Setuju.

A **[50]** Kami mendapati bahawa pihak pendakwaan langsung tidak mempertikaikan tujuan perayu pertama dan Kedua bersama perayu ketiga di dalam kereta Proton Perdana ketika ditangkap iaitu mereka diajak oleh perayu ketiga membeli *spare part* kereta dan tidak tahu tentang kotak (P12) tersebut.

B **[51]** Sehubungan itu, pada pandangan kami, semata-mata berada di dalam kereta Proton Perdana dan berdekatan dengan barang kes dan terkejut apabila diserbu polis tidak mencukupi untuk memuaskan elemen niat bersama di bawah s 34 KK. Oleh itu, kami berpendapat bahawa elemen niat bersama telah gagal dibuktikan.
C

[52] Kini kami akan menganalisis dapatan YA PK terhadap perayu ketiga. Dari penilaian keseluruhan keterangan saksi-saksi terhadap perayu ketiga, kami bersetuju dengan dapatan YA PK bahawa pembelaan perayu ketiga
D merupakan penafian semata-mata dan suatu pemikiran semula.

[53] Secara ringkas, dalam pembelaan perayu ketiga, dia mengatakan dia tiada pengetahuan mengenai dadah yang dijumpai di dalam kotak (P12). Dia meletakkan kesalahan kepada seorang lelaki India yang dikenalinya dengan
E panggilan 'Boy' yang membawa kotak (P12) tersebut ke dalam kereta Proton Perdana yang dipandu oleh perayu ketiga.

[54] Setelah memeriksa rekod-rekod rayuan dan keterangan saksi-saksi kami bersetuju dengan dapatan YA PK bahawa tiada apa-apa dokumen atau bukti
F yang dikemukakan oleh pihak pembelaan untuk menunjukkan akan kewujudan 'Boy'. Kehadiran 'Boy' telah dinafikan oleh SP2 dan SP4 yang bersama pasukan serbuan sedang membuat pemerhatian selama 20 minit di tempat kejadian. Keterangan SP2 dan SP4 semasa membuat pemerhatian
G tidak melihat sesiapa pun masuk ke dalam kereta Proton Perdana sebelum serbuan. Malah kereta Vios yang dikatakan kepunyaan 'Boy' oleh perayu ketiga yang telah berhenti bersebelahan kereta Proton Perdana telah disangkal oleh SP4 kerana SP4 yang memandu kereta tersebut semasa serbuan dilakukan di tempat kejadian. Seterusnya, perayu ketiga telah gagal untuk memberikan
H maklumat mengenai 'Boy' kepada SP2 atau SP7. Dia sendiri tidak tahu nama penuh, alamat dan nombor telefon 'Boy' untuk diberikan kepada SP7 bagi membolehkan siasatan dijalankan oleh SP7. Kami dapati bahawa notis tidak pernah dihujahkan oleh peguambela bijaksana perayu ketiga di peringkat kes pendakwaan, walaupun watak 'Boy' telah dibangkitkan ketika itu.
I

[55] Kami juga bersetuju dengan dapatan YA PK bahawa jika pun notis *Alcontara* dihujahkan, ianya tetap tidak membentuk satu notis yang mencukupi kepada pihak pendakwaan kerana butiran lengkap tentang 'Boy' telah gagal diberikan untuk pihak polis menjalankan siasatan.

[56] Isu seterusnya ialah berkaitan hujahan peguambela bijaksana bahawa tedapat lompang (*material gap*) dalam kes pendakwaan kerana anggota polis dengan nama panggilan 'Carlos' tidak dipanggil untuk memberi keterangan. Kami bersetuju dengan dapatan YA PK bahawa inferens bertentangan di bawah s 114(g) Akta Keterangan 1950 tidak terpakai kerana nama 'Carlos' walaupun dibangkitkan namun kewujudannya tidak pernah dibuktikan. Pada pendapat kami kes pihak pendakwaan adalah kukuh dan melimpah ruah terhadap penglibatan perayu ketiga dalam mengedar dadah berbahaya tersebut (*Munusamy v Public Prosecutor* [1987] 1 MLJ 492).

[57] Walaupun tidak dihujahkan oleh peguambela bijaksana dan tidak dibincangkan oleh YA PK, kami berpandangan adalah menjadi suatu fakta yang tidak dipertikaikan bahawa perayu ketiga telah meminjam kereta Proton Perdana daripada SP6 sekitar akhir Jun 2017 dan dia ditangkap pada 7 Ogos 2017. Ini menunjukkan bahawa kereta Proton Perdana tersebut telah berada dalam jagaan dan kawalan perayu ketiga selama lebih kurang dua bulan sebelum ditangkap dan sepanjang tempoh tersebut hanya perayu ketiga sahaja yang memandu kereta tersebut. Malah SP6 telah mengesahkan bahawa semasa menyerahkan kereta tersebut kepada perayu ketiga, tiada barang peribadi SP6 yang ditinggalkan dan SP6 tidak pernah melihat kotak (P12) yang mengandungi dadah. Mengambil kira keseluruhan keterangan yang melimpah ruah dan mengaplikasi peruntukan s 182A Kanun Tatacara Jenayah, kami bersetuju dengan dapatan YA PK bahawa perayu ketiga telah gagal untuk mengakas anggapan di bawah s 37(d) ADB 1952 dan menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah mengenai pengedaran dadah berbahaya mengikut takrifan pengedaran di bawah s 2 ADB 1952.

KESIMPULAN

[58] Berdasarkan analisis di atas, kami sebulat suara membenarkan rayuan perayu pertama dan dan perayu kedua atas sabitan dan hukuman. Sabitan dan hukuman oleh Mahkamah Tinggi terhadap perayu pertama dan perayu kedua didapati tidak selamat dan diketepikan. Oleh itu, perayu pertama dan perayu kedua dilepas dan dibebaskan. Manakala rayuan perayu ketiga ditolak. Oleh itu, sabitan dan hukuman ke atasnya dikekalkan.

Rayuan perayu pertama dan kedua atas sabitan dan hukuman dibenarkan; rayuan perayu ketiga ditolak.

Dilaporkan oleh K Selvaraj